

Reka bentuk komponen utama modul pembelajaran koperatif jenis padanan untuk kemahiran perbendaharaan kata Bahasa Indonesia kanak-kanak

ABSTRACT

Pembelajaran koperatif jenis padanan merupakan pendekatan yang sesuai digunakan untuk mengajar perbendaharaan kata kanak-kanak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti komponen utama reka bentuk modul pembelajaran koperatif jenis padanan bagi kemahiran perbendaharaan kata Bahasa Indonesia kanak-kanak berdasarkan kesepakatan pakar. Sampel kajian terdiri daripada 15 orang guru dan pensyarah dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang dipilih berdasarkan persampelan tujuan. Dalam kajian ini, kaedah Fuzzy Delphi (FDM) menggunakan lima skala Likert digunakan untuk mengumpulkan data kesepakatan pakar. Data dianalisis menggunakan penomboran segi tiga Fuzzy (Triangular Fuzzy Numbers) dan Defuzzification Process. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat enam komponen utama bagi reka bentuk modul pembelajaran koperatif jenis padanan bagi kemahiran perbendaharaan kata Bahasa Indonesia kanak-kanak, iaitu objektif pembelajaran, standard pembelajaran, tema-tema pembelajaran, langkah-langkah pembelajaran, aktiviti pembelajaran dan penilaian pembelajaran. Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya membina reka bentuk komponen utama modul pembelajaran koperatif jenis padanan untuk kemahiran perbendaharaan kata bahasa Indonesia kanak-kanak yang sistematik dan sesuai dengan kurikulum Pendidikan Awal Kanak-kanak 2013 di Indonesia. Implikasi kajian ini ialah reka bentuk komponen utama modul pembelajaran koperatif jenis padanan untuk kemahiran perbendaharaan kata Bahasa Indonesia kanak-kanak dapat digunakan sebagai panduan pendidikan untuk menjalankan pembelajaran perbendaharaan kata.